



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 15 / 2024**

## **KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN N.20 SUNGAI BAKAP, PULAU PINANG**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Dato' Law Choo Kiang, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **Dewan Undangan N.20 Sungai Bakap, Pulau Pinang** berikutan kematian penyandanginya Allahyarham YB Encik Nor Zamri bin Latiff pada 24 Mei 2024.
2. Sebagaimana diperuntukkan di bawah **Fasal (5) Perkara 19 Perlembagaan Negeri Pulau Pinang**, kekosongan luar jangka tersebut hendaklah **diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan kerusi tersebut dipastikan oleh SPR.**

3. Sehubungan itu, SPR akan mengadakan satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan N.20 Sungai Bakap, Pulau Pinang** pada **6 Jun 2024 (Khamis)** bagi membincangkan pelaksanaan pilihan raya tersebut.
  
4. **Satu sidang media akan diadakan seurus selepas Mesyuarat Khas ini diadakan.**

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

27 Mei 2024 / 18 Zulkaedah 1445H